

## **FUNGSI PENYELIAAN PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL**

*Mohd Anizam bin Mohd Daud<sup>a</sup>  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.*

*Dayana Farzeeha binti Ali<sup>b</sup>  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.*

[nixamstudio@gmail.com](mailto:nixamstudio@gmail.com)<sup>a</sup>, [dayanafarzeeha@utm.my](mailto:dayanafarzeeha@utm.my)<sup>b</sup>,

### **ABSTRAK**

Malaysia kini membangun dengan pesat dan terdesak dalam memenuhi keperluan guna tenaga kerja mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh sektor industri. Dalam usaha untuk mempercepatkan usaha pembangunan pekerja dan institusi latihan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), penyeliaan dilihat sebagai suatu konsep yang wajar diperkembangkan dan diberi keutamaan khusus dalam usaha bersepadu ini. Kertas kerja ini membincangkan kajian-kajian terdahulu dengan menfokuskan kepada fungsi penyeliaan yang dilihat begitu menyeluruh, merangkumi aspek-aspek program bimbingan, pembangunan, penyelenggaraan, penilaian dan kawalan kualiti yang mampu memberikan impak positif kepada institusi latihan dan negara dalam melahirkan pelajar-pelajar yang kompetatif bagi memenuhi keperluan sumber guna tenaga negara. Kesimpulan dan saranan disertakan di akhir kertas kerja ini dalam mempertingkatkan fungsi penyeliaan ke arah pencapaian misi dan visi institusi latihan kemahiran negara.

**Katakunci:** Fungsi Penyeliaan, Penyeliaan, Pembangunan PTV.

### **ABSTRACT**

Malaysia is developing rapidly and is desperate to meet the needs of skilled and semi-skilled workers needed by the industrial sector. In order to accelerate the pace of development workers and training institutions Technical and Vocational Education (TVE), supervision is seen as a concept that should be expanded and given special priority in this concerted effort. This paper will discuss previous studies with a focus on the supervisory function is seen as a whole, including the aspects of program guidance, development, maintenance, evaluation and quality control that can give a positive impact on the institution and the country in producing competitive students to meet the needs of resource use energy state. Conclusions and recommendations will be included at the end of this paper to improve the supervisory functions to achieve the mission and vision of national training institutions.

**Keywords:** Supervisory Functions, Supervision, TVE Development.

## **1. PENDAHULUAN**

Ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah merupakan enjin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial di mana-mana negara (Goel, 2010), dan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan kunci dalam melatih tenaga kerja mahir dan keusahawanan yang diperlukan sebagai tenaga kerja di dalam teknologi yang berubah-ubah (Afeti, 2010). PTV memberi penekanan terhadap pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk dunia pekerjaan di samping meningkatkan peluang untuk memperkasa dan membangunkan sosio-ekonomi dalam pengetahuan ekonomi dan persekitaran kerja yang pesat berubah. Ia

merupakan istilah yang komprehensif merujuk kepada aspek-aspek proses pendidikan yang melibatkan tambahan kepada pendidikan umum, kajian teknologi dan sains yang berkaitan, dan pemerolehan kemahiran praktikal, sikap, kefahaman dan pengetahuan yang berkaitan untuk pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial (UNESCO, 2002). Manakala bagi Uwaifo (2010), PTV adalah sebagai latihan kakitangan berorientasikan teknikal yang menjadi pemula, fasilitator dan pelaksana pembangunan teknologi negara dengan secukupnya dengan melatih rakyat terhadap keperluan untuk celik teknologi, yang membawa kepada jati diri dan kemampanan. PTV dengan itu melengkapkan seseorang bukan sahaja dengan kemahiran teknikal dan vokasional, tetapi dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang kini diiktiraf sebagai yang sangat diperlukan untuk penyertaan yang bermakna dalam pekerjaan dan kehidupan. Kerana itu, PTV menjadi sandaran kepada negara dalam penghasilan sumber tenaga kerja mahir yang dijangka mencecah 1.5 juta menjelang 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Satu kuantiti yang agak besar dan perlu dicapai untuk memastikan negara terus kekal berada pada tahap pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Justeru, perkembangan ini memberi cabaran yang besar kepada PTV dalam menyahut dan merealisasikan matlamat bagi memenuhi keperluan modal insan negara. Transformasi ke arah itu bukan sesuatu yang mudah kerana masih banyak kelemahan-kelemahan yang perlu ditangani pada peringkat akar umbi. Merujuk kepada laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), hingga kini PTV masih kekurangan tenaga pengajar berkelayakan, kurikulum yang kurang diiktiraf industri, kerjasama yang lemah dengan industri dan latihan di tempat kerja (OJT) yang terhad, menyebabkan lepasan pendidikan vokasional tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk memenuhi keperluan industri. Selain itu, satu kajian yang telah dijalankan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2011, mendapati hampir 50 peratus guru tidak menyampaikan pengajaran secara berkesan dan baik. Keadaan ini merumitkan lagi keadaan dan menggambarkan kepincangan dalam pentadbiran pendidikan negara.

Sungguhpun, terdapat beberapa faktor yang perlu ditangani secara berkesan namun faktor kelemahan guru antara faktor yang penting dan perlu ditangani secara berkesan. Guru merupakan nadi penting dan kejayaan sesebuah sekolah dilihat melalui kredibiliti guru-gurunya (Ahmad Rizali, Indra Djati Sidi & Satria Dharma, 2009). Justeru bagi memastikan kejayaan, profesionalisma dan kredibiliti seorang guru yang berterusan, pelaksanaan sistem penyeliaan pengajaran dilihat sebagai suatu kaedah yang efektif dalam menyelia perkembangan guru. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya memerlukan ketelusan dan penuh bertanggungjawab bagi menjamin keberkesanannya. Ini kerana, (UNESCO, 2007) menyatakan bahawa penyeliaan pengajaran merupakan satu bentuk bantuan kepada guru dalam pendidikan.

## **2. TUJUAN DAN OBJEKTIF**

Tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk menerangkan bagaimana fungsi penyeliaan pengajaran dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru ke arah peningkatan tahap pencapaian pelajar yang seterusnya memudahkan pelajar mendapatkan pekerjaan dalam industri. Oleh itu, objektif penulisan ini adalah;

1. Mengenalpasti konsep penyeliaan pengajaran dalam PTV.
2. Mengenalpasti fungsi penyeliaan pengajaran.

## **3. KAEDAH**

Pengumpulan data diperolehi melalui kajian-kajian terdahulu yang bersesuaian dengan topik. Artikel yang sesuai disenarai dan dimuat turun untuk dijadikan panduan yang kebanyakannya diakses daripada enjin pencarian seperti Google Malaysia, dan Yahoo Malaysia di <http://www.google.com.my>, dan <http://www.yahoo.com.my>. Sebahagian artikel

diakses melalui laman sesawang 'UTM library' di [www.utm.my/psz](http://www.utm.my/psz) dan Institute of Educational Science (ERIC) di <http://eric.ed.gov/?>. Artikel, jurnal dan buku turut dibaca dan dianalisa dalam melengkapkan kertas kerja ini.

#### **4. KONSEP PENYELIAAN PENGAJARAN DALAM PTV**

Penyeliaan pengajaran sebenarnya hanya mempunyai satu matlamat seperti apa yang dinyatakan oleh Behlol et al. (2011), *"is to help the teachers to improve the teaching learning process in the classroom."* Menunjukkan di sini bahawa, misi utama penyeliaan pengajaran adalah untuk membantu guru dalam menghasilkan satu bentuk pengajaran yang efektif dan berkesan dengan bantuan dan sokongan daripada penyelia. Penjelasan ini boleh dikaitkan dengan pendapat Glickman et al. (2009) yang menyatakan:

*"Teachers are in the forefront of successful instruction; supervision is in the background, providing the support, knowledge, and skills that enable teachers to succeed"*

Dapat difahami bahawa, guru memainkan peranan penting dalam penghasilan bentuk pengajaran yang efektif. Manakala penyeliaan memberikan ruang sebagai satu kaedah dalam memberi bantuan kepada guru, menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Di sini, penyeliaan memainkan peranan penting dalam penyeliaan guru yang dianggap sebagai satu bentuk kawalan kualiti (UNESCO, 2007) seperti yang diperincikan oleh Clark dan Olumese (2013) sebagai kualiti dalam pengajaran, persekitaran pembelajaran dan mekanisme maklum balas. Sergiovanni dan Starratt (2007) turut sama membicarakan hal ini dari aspek kualiti pengajaran guru di mana kualiti pengajaran guru menjadi matlamat dalam meningkatkan penglibatan pelajar sewaktu proses pembelajaran yang seterusnya akan dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar.

Justeru, penekanan dalam penyeliaan sewajarnya lebih terarah kepada kualiti pengajaran dan penyampaian kemahiran guru kepada pelajar kerana matlamat utama penyeliaan adalah peningkatan pencapaian pelajar hasil daripada pengajaran yang berkualiti. Dalam konteks PTV, kualiti di sini berkait dengan kemampuan institusi menghasilkan pelajar berminda kelas pertama dalam memenuhi semua keperluan sumber tenaga kerja negara sepertimana yang dikehendaki industri (Siti Nor Atikah, Rohana & Amirmudin, 2011). Industri kini bukan sahaja memerlukan pekerja yang berkemahiran tinggi malah meletakkan kemahiran generik iaitu elemen kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan etika moral professional sebagai suatu keutamaan (Tiza Lytha Rimaya & Abdullah, 2013). Gabungan elemen-elemen ini yang dikaitkan dengan keupayaan penghasilan pelajar berminda kelas pertama.

Selain itu, penyeliaan perlu menilai sejauhmanakah pengajaran yang dijalankan mampu meningkatkan tahap 'employability', kreativiti dan inovasi pelajar. Elemen-elemen penting dalam PTV ini wajar dijadikan sebagai keutamaan di dalam menilai pengajaran guru agar segala aktiviti yang dijalankan sentiasa kualiti. 'Employability' merupakan kemahiran yang amat diperlukan oleh majikan. Kajian mendapati kemahiran asas, berfikir, sumber, interpersonal, sistem dan teknologi dan kualiti personal adalah kemahiran 'employability' yang sangat diutamakan oleh majikan (Mohamad Sattar et. all, 2009). Perkara ini disokong dengan pengelasan yang diberikan oleh Blades, Fauth dan Gibb (2012) seperti yang dikemukakan pada Jadual 1.

Dari aspek pengajaran guru, penyelia perlu melihat kepada perkembangan yang berlaku di negara-negara yang lebih terkehadapan dalam PTV. Kini, kebanyakan negara berkenaan seperti Australia dan Eropah memberi keutamaan kepada elemen kreativiti. Kreativiti adalah penting dalam penyelesaian masalah dan wajar dibangunkan oleh guru di dalam diri pelajar dalam proses pengajaran (Lin, 2013). Di Eropah, elemen kreativiti telah menjadi salah satu objektif strategik dalam pendidikan (Peter, 2013).

**Jadual 1:** Pengelasan Kemahiran 'Employability'

<b>Personal</b>	<b>Interpersonal</b>	<b>Self-management</b>	<b>Initiative &amp; delivery</b>
Confidence	Social/ interpersonal skills	Self-control	Planning
Self-esteem	Communication skills	Reliability	Problem-solving
Motivation	Teamwork	Positive attitude	Prioritising
Self-efficacy	Assertiveness	Presentation	

Sumber: Blades, Fauth dan Gibb (2012)

Secara amnya, dapat dinyatakan bahawa proses penyeliaan merupakan suatu yang penting dan perlu dijalankan dalam PTV. Seperti mana Jabatan Kualiti diperlukan di dalam industri, di dalam memastikan produk yang dihasilkan memenuhi piawaian. Oleh kerana pasaran utama pelajar adalah kepada pihak industri, bermakna segala keperluan semasa pihak industri perlu diambil kira dalam proses pembangunan kurikulum dan pembelajaran PTV. Bermakna, penilaian bagi elemen 'employability', kemahiran generik dan kreativiti perlu menjadi keutamaan dalam proses penyeliaan guru PTV. Penyeliaan perlu memastikan bahawa elemen-elemen ini diterapkan sepenuhnya oleh guru kepada pelajar bagi memastikan pencapaian pelajar berada pada tahap kualiti yang ditetapkan.

## 5. FUNGSI PENYELIAAN PENGAJARAN

Pada abad ke-21 ini, perkembangan teknologi dan globalisasi telah melonjakkan PTV ke satu tahap yang lebih tinggi selaras dengan pendidikan formal yang lain. Namun, perbezaannya jelas dapat dilihat, di mana PTV lebih memberi keutamaan terhadap perkembangan kemahiran pelajar berbanding pendidikan formal yang bersifat akademik. Penyeliaan perlu berpegang kepada prinsip ini bagi memastikan pengajaran guru mampu menyediakan pelajar yang cemerlang dalam memenuhi tahap kemahiran 'employability', kemahiran generik, kreativiti dan inovasi pelajar berkembang selaras dengan keperluan dan kehendak industri. Bagi mencapai hasrat itu, satu bentuk penyeliaan yang efektif perlu dijalankan yang mana ianya melibatkan satu tugas yang menyeluruh dalam jangka masa yang agak panjang dan berterusan. Menurut Friedlander (2012), penyeliaan yang efektif perlu menitikberatkan beberapa perkara berikut, iaitu; berkeupayaan menilai kapasiti guru yang diselia untuk lebih responsif kepada pelajar, mengetahui bagaimana dan bila untuk mengajar dengan lebih responsif, dan mengetahui model responsif dalam penyeliaan pengajaran dengan menyesuaikan tahap keperluan pengetahuan, kemahiran dan kesedaran interpersonal guru yang diselia. Sebab itu, seorang penyelia mestilah seorang yang pakar, kerana menurut Glickman, Gordon dan Ross-Gordon (2009) seorang penyelia perlulah seorang yang berpengetahuan luas, memiliki kemahiran interpersonal, dan kemahiran teknikal.

Oleh kerana itu, proses penyeliaan pengajaran memainkan peranan dalam perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran dengan meletakkan fungsi penyeliaan sebagai proses yang penting dalam bimbingan dan latihan (Noor Azlan & Lim, 2011; Affero & Razali, 2013), latihan dan pembangunan (Ajayi & Lee, 2005; Sailesh et. all. 2011), membangunkan kaedah pengajaran guru, kurikulum dan pembangunan staff (Pawlas dan Oliva, 2008), bantuan langsung, pembangunan professional dan kajian tindakan (Glickman, Gordon dan Ross-Gordon, 2009), memperbaiki kepimpinan sekolah (Osakwe, 2013; Rashid, 2014) dan, kawalan kualiti (Chao & Dugger, 1996; Grauwe & Carron, 2007; UNESCO, 2007). Sebahagian fungsi ini dirangkumkan oleh UNESCO (2007), yang menyatakan penyeliaan pengajaran adalah satu bentuk perkhidmatan yang mana fungsi utamanya ialah untuk memeriksa, mengawal, menilai; dan menasihati, menolong, dan membantu pengetua sekolah dan guru-guru.

### **5.1 Penyeliaan Sebagai Pembimbing dan Latihan**

Penyeliaan pengajaran pada dasarnya melibatkan sepenuhnya proses P&P guru dikelas atau bengkel yang menjadikan penyelia sebagai guru pembimbing (Abdul Rashid & Zurida, 2003) yang membimbing dan melatih guru dalam aktiviti P&P yang biasanya dinyatakan oleh pakar sebagai latihan mengajar (Mohd Zolkifli & Lokman, 2007; Noor Azlan & Lim, 2011). Satu kajian yang telah dijalankan oleh Sarimah, Peggie dan Rohana (2000) terhadap guru-guru teknikal, memberikan penekanan bahawa penyeliaan proses P&P perlu mengambilkira 12 elemen penting dalam sesuatu proses penyeliaan iaitu penglibatan pelajar, penguasaan pembelajaran murid, hasil kerja murid, perancangan dan persediaan guru, kaedah penyampaian, kemahiran komunikasi berkesan, penggunaan sumber pendidikan, penilaian, teknik menyoal, penguasaan isi kandungan, pengurusan kelas, dan amalan profesionalisme keguruan. Elemen-elemen ini merupakan matlamat utama guru pembimbing dalam memberikan latihan terutama kepada guru-guru baru sewaktu proses latihan mengajar.

Affero dan Razali (2013) juga turut menyatakan bahawa penyeliaan boleh diklasifikasikan sebagai elemen yang penting di dalam latihan yang efektif. Perubahan global terhadap teknologi terutama di dalam industri telah mendorong terhadap keperluan tenaga kerja mahir dan latihan yang komprehensif. Latihan kemahiran dan program latihan teknikal secara menyeluruh perlu untuk melatih K-Worker, tidak hanya kecekapan teknikal sahaja tetapi termasuk kecekapan pembelajaran dan metodologi. Ini dapat dipelajari melalui proses penyeliaan. Oleh kerana itu, penyeliaan yang berkualiti digambarkan sebagai sesuatu yang tidak ternilai bagi mereka yang baru dan pengamal yang berpengalaman seperti guru.

### **5.2 Penyeliaan Sebagai Pembangunan**

Proses membimbing dan melatih guru adalah fasa awal sebelum memasuki fasa pembangunan guru. Pembangunan guru merupakan satu fungsi penting dalam penyeliaan pengajaran. Pawlas dan Oliva (2008) telah menyenaraikan tiga peranan utama penyeliaan pengajaran dalam konteks pembangunan guru iaitu membangunkan kaedah pengajaran guru, kurikulum dan pembangunan staff. Manakala Glickman, Gordon dan Ross-Gordon (2009) telah menambah tiga lagi fungsi iaitu bantuan secara langsung, pembangunan profesional dan kajian tindakan. Kesemua fungsi perlu bergabung dalam mencapai matlamat organisasi dan keperluan guru yang sekaligus membawa kepada peningkatan pembelajaran murid.

Penggunaan konsep kajian tindakan di dalam penyeliaan juga merupakan suatu cara terbaik dalam memupuk kolaborasi di antara guru yang diselia dengan penyelia (Lilia, Nor Aishah & Meeraha, 2010). Guru akan berkongsi segala masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran untuk dibincangkan bersama penyelia sewaktu proses penyeliaan. Melalui konsep ini, sesuatu proses penambahbaikan mampu dilakukan dalam membentuk dan membangunkan guru melalui perbincangan yang dijalankan. Kerjasama ini merupakan konsep penyeliaan klinikal yang mampu meningkatkan pembangunan profesionalisma guru (Arsaythamby & Mary Macdalena, 2013).

### **5.3 Penyeliaan Sebagai Penyenggaraan dan Penilaian**

Menurut Parks (1973), tugas penyeliaan dalam PTV adalah sebagai pakar dalam pengajaran dan kurikulum. Tumpuan tugas adalah memberikan bantuan kepada guru dalam memperbaiki kualiti pengajaran di samping terlibat sepenuhnya di dalam pembangunan kurikulum dan penambahbaikan. Menurutnya, penyelia perlu menguasai fungsi penyeliaan yang lebih luas di mana fungsi ini mampu menghasilkan satu usaha berkumpulan bagi membawa individu dengan keperluan khusus vokasional boleh dicapai dengan wujudnya satu bentuk proses pengajaran berkesan. Parks telah menyenaraikan 15 fungsi penyeliaan yang menyeluruh dalam PTV, mencakupi dimensi pembangunan program, penyelenggaraan dan penilaian, iaitu:

- i. Mengarah dan menyelaras keseluruhan program vokasional di bawah tanggungjawab penyelia di peringkat tempatan.
- ii. Menyediakan kepimpinan dan bantuan dalam pembangunan kurikulum yang terbaik kepada pelajar-pelajar.
- iii. Menyediakan kepimpinan dan bantuan untuk pembaikan teknik pengajaran.
- iv. Membantu pengambilan, pemilihan dan orientasi kakitangan pengajaran dan dalam pembangunan aktiviti latihan yang sesuai dalam perkhidmatan.
- v. Membantu kakitangan pengajaran dengan pemilihan bahan pengajaran, peralatan dan bekalan.
- vi. Kerjasama yang rapat dengan kakitangan pentadbiran tempatan untuk menyelaras dan meningkatkan jumlah program pendidikan.
- vii. Menyediakan kepimpinan dan bantuan dalam usaha penyelidikan tempatan dalam mengenal pasti keperluan pendidikan vokasional dan meningkatkan program pengajaran.
- viii. Membantu guru dalam merancang bajet dalam menyediakan peralatan yang diperlukan, bekalan dan bahan-bahan untuk program pendidikan yang berkesan.
- ix. Menjadi sebahagian daripada berfungsi program maklumat awam yang efektif dan perhubungan awam yang wajar dengan semua pihak.
- x. Bekerjasama dengan kakitangan dalam menyediakan bimbingan yang berkesan dan teknik kaunseling dalam ujian, penempatan dan susulan pelajar vokasional.
- xi. Menilai secara berterusan jumlah program pendidikan vokasional dengan pentadbiran dan kakitangan dari segi objektif yang dinyatakan supaya prosedur pengajaran yang lebih baik akan berlaku.
- xii. Membantu guru dalam membangunkan pemahaman pelajar dan penilaian program penilaian pelajar yang berkesan.
- xiii. Menggalakkan usaha pasukan dengan semua agensi pendidikan vokasional lain yang diwakili dalam masyarakat.
- xiv. Membangunkan pelan tahunan dan lima tahun untuk program pendidikan vokasional yang lengkap.
- xv. Menyertai dan menggalakkan sokongan guru daerah, negeri dan pendidikan vokasional organisasi profesional kebangsaan

Menurut Pawlas dan Oliva (2008), penyeliaan pengajaran boleh ditakrifkan sebagai bantuan kepada guru dalam bentuk hubungan yang akrab, kerjasama dalam persekitaran profesional yang membantu meningkatkan pengajaran untuk pencapaian pelajar. Menunjukkan bahawa, penyeliaan mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar yang mana ianya memerlukan satu bentuk pengukuran dalam menentukan tahap pencapaian pelajar, sama ada telah meningkat atau sebaliknya. Dalam hal ini, Sergiovanni & Starratt, (2007) berpendapat, apabila penyeliaan berfokus kepada pengajaran dan pembelajaran, bermakna proses penilaian akan menjadi satu aspek yang penting dan tidak boleh diabaikan. Dalam hal ini, Affero dan Razali (2012) menyarankan agar sesuatu penilaian dijalankan daripada kedua-dua perspektif iaitu guru yang diselia dan penyelia di mana kedua-dua belah pihak perlu membezakan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

#### **5.4 Penyeliaan Sebagai Kepimpinan**

Sebagai penyelia, mereka bukan sahaja berperanan sebagai pengurus, kaunselor, instruktur, pemerhati, pemberi maklum balas dan penilai tetapi juga merupakan seorang pemimpin yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin guru bersesuaian dengan tahap perkembangan guru (Mohd Zolkifli & Lokman, 2007). Kepimpinan dalam penyeliaan adalah cara bagaimana berkerja dengan guru dalam suatu organisasi bagi menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Hal ini, dirujuk kepada peranan seorang pengetua sekolah yang dipertanggungjawabkan dalam urusan kepimpinan sekolah dan juga proses penyeliaan. Oleh yang demikian, sifat dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh penyelia terhadap guru merupakan suatu bentuk kepimpinan bagi mencapai matlamat dan objektif institusi.

## **5.5 Penyeliaan Sebagai Kawalan Kualiti**

Proses penyeliaan boleh dirujuk sebagai suatu sistem kawalan kualiti terhadap pendidikan termasuk sekolah dan guru (Grauwe & Carron, 2007). Perkara ini turut dibincangkan secara bersepadu oleh UNESCO dalam membentuk satu pembaharuan dalam konsep penyeliaan yang dijadikan kunci utama dalam mencapai peningkatan kualiti dalam pendidikan (UNESCO, 2007). Penambahbaikan berterusan terhadap kualiti pelajar dalam memenuhi keperluan industri merupakan sesuatu yang kritikal namun ia merupakan matlamat yang perlu dicapai dalam PTV. Penyelesaian masalah pengajaran dan pembelajaran dalam memperbaiki kualiti pendidikan merupakan tujuan utama penyeliaan pengajaran dan mempraktikkan konsep TQM dapat membantu dalam menentukan kualiti pengukuran dan menyediakan sistem untuk memperbaiki proses. Enam komponen TQM menjadi asas dalam model kualiti pengajaran dalam program Voc-Tech: (a) kualiti dorongan pelanggan; (b) kerja berpasukan; (c) komitmen pengurusan atasan, komunikasi dan maklumbalas; (d) latihan TQM; (e) penggunaan kaedah statistik; dan (e) penambahbaikan berterusan (Chao & Dugger, 1996). Semakin berkualiti penyeliaan yang dijalankan, makin tinggi tahap komitmen dan efikasi guru yang mana kualiti itu dilihat melalui kaedah pengajaran guru yang lebih efektif dalam meningkatkan tahap pembelajaran pelajar.

## **KESIMPULAN**

Keutamaan konsep penyeliaan pengajaran sememangnya tidak dapat dinafikan dalam konteks pendidikan. Mengutip pandangan daripada Bernard dan Goodyear (2004), mereka menyatakan bahawa penyeliaan pengajaran merupakan komponen yang kritikal dalam penyediaan profesional daripada sudut kaunselor dan psikoterapi, yang seterusnya memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pembangunan kemahiran guru yang diselia dan memastikan penjagaan standard pelanggan iaitu pelajar dijaga dengan baik. Pendapat ini selari dengan beberapa pandangan pakar lain yang mengatakan bahawa penyeliaan pengajaran di sekolah boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu; teori di sebalik aktiviti penyeliaan pengajaran, kajian mengenai apa yang dilakukan oleh penyelia pengajaran, dan penyelidikan mengenai kesan usaha penyelia pengajaran kepada guru dan keputusan pelajar (Plessis, 2013). Rata-rata pandangan yang diutarakan oleh pakar-pakar mengetengahkan tiga elemen utama yang berkait antara satu sama lain dalam pelaksanaan konsep penyeliaan pengajaran, iaitu;

- i) penyelia; keupayaan seseorang penyelia menjalankan fungsi penyeliaan bagi membimbing, melatih, membangun, menyenggara, menilai, memimpin, dan mengawal.
- ii) guru yang diselia; kesan penyeliaan terhadap guru yang diselia akan menjadi lebih berprofesionalisma, dan
- iii) pelajar; dinilai menerusi keputusan pelajaran hasil perubahan profesionalisma seseorang guru.

Oleh kerana itu, pemahaman terhadap proses penyeliaan pengajaran amat penting bagi menjamin keberkesannya. Penyeliaan pengajaran dalam PTV perlu bijak memainkan peranan dalam menjalankan fungsinya dengan menyerap persekitaran global yang pantas berubah bagi memandu perkembangan profesionalisma seorang guru yang sekaligus membawa kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pencapaian pelajar.

## **RUJUKAN**

Abdul Rashid Mohamed & Zurida Haji Ismail (2003). Peranan Guru Pembimbing Dalam Penyeliaan Latihan Mengajar. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jilid 18. 49-57.

- Afeti, G. (2010). Technical and vocational education and training for industrialization. Retrieved 1 Julai 2014 from <http://www.arrforum.org/publication/occasional-papers/40/95-technical-and-vocational-education-andtrainig-for-industrialisation.html>. Retrieved on 23/12/2012
- Affero Ismail dan Razali Hassan. (2012). The Basis of Supervisory Practice for Vocational Education and Training. Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2, 13 Jun 2012.
- Ahmad Rizali, Indra Djati Sidi & Satria Dharma. (2009). *Dari Guru Konvensional Menuju Guru Profesional*. Jakarta: Grasindo.
- Ajayi, L.J, dan Lee, S.K. (2005). Perception Difference Between Intern Teachers and University Supervisors on the Expectations and Preferences for the Fieldwork Program. *Education*. 126(2). 259-274.
- Arsaythamby Veloo dan Mary Macdalena A Komuji. (2013). Kesan Penyeliaan Klinikal Terhadap Prestasi Pengajaran Guru Sekolah Menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 28. 81-102.
- Behlol, M.G., Yousuf, M.I., Parveen, Q. & Kayani, M.M. (2011). Concept of supervision and supervisory practices at primary level in Pakistan. *International Education Studies*. 4(4). 28-35.
- Bernard, J., & Goodyear, R. (2004). *Fundamentals of clinical supervision* (3rd ed.). Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Blades, R., Fauth, B. dan Gibb, J. (2012). Measuring Employability Skills: A rapid review to inform development of tools for project evaluation. London: National Children's Bureau(NCB).
- Chao, C. Y. & Dugger, J. C. (1996). A Total Quality Management Model for Instructional Supervision in Vocational Technical Programs. *Journal of Industrial Teacher Education (JITE)*. 33(4). Digital Library and Archives.Virginia Tech.
- Clark, A.O. &, Olumese, H.A. (2013). Effective supervision as a challenge in technical and vocational education delivery: ensuring quality teaching/learning environment and feedback mechanism. *Basic Research Journal of Education Research and Review*. 2(1). 6-15.
- Friedlander, M.L. (2012) Therapist Responsiveness: Mirrored in Supervisor Responsiveness. *The Clinical Supervisor*. 31(1). 103-119.
- Glickman, C. D., Gordon, S. P., & Ross-Gordon, J. M. (2009). *The Basic Guide to Supervision and Instructional Leadership*. (2nd ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Goel, V. P. (2010). Technical and vocational education and training (TVET) system in India for sustainable development. Retrieved 7<sup>th</sup> March, 2013 from [www.unevoc.unesco.org/up/India\\_country\\_paer.pdf](http://www.unevoc.unesco.org/up/India_country_paer.pdf)
- Grauwe, A. & Carron, G. (2007). *Reforming School Supervision for Quality Improvement*. [Module]. Paris: International Institute for Educational Planning - (UNESCO).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lulusan Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.



- Lilia Halima, Nor Aishah Buanga dan Meeraha, T. S. (2010). Action research as instructional supervision: Impact on the professional development of university based supervisors and science student teachers. WCES-2010. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 2. 2868–2871.
- Lin, R.L. (2013). Creative Figure Design in Technical and Vocational Education. International Conference on Education Technology and Management Science (ICETMS 2013). Dicapai pada 27 Julai 2014 daripada [http://www.atlantispress.com/php/download\\_paper.php?id=7187](http://www.atlantispress.com/php/download_paper.php?id=7187)
- Mohamad Sattar Rasul, Md Yusof Ismail, Napsiah Ismail, Rashid Rajuddin & Roseamnah Abd. Rauf. (2009). Aspek Kemahiran 'Employability' yang Dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(2). 67-79.
- Mohd Zolkifli Abd. Hamid dan Lokman Mohd Tahir. (2007). Penyeliaan Pengajaran Dalam Latihan Mengajar Dari Perspektif Kepimpinan Situasi. In: The 5<sup>th</sup> ASEAN Symposium on Educational Management and Leadership (ASEMAL 5), 18-19 August 2007, Legend Hotel, Kuala Lumpur. (Unpublished).
- Noor Azlan Ahmad Zanzali dan Lim W. M. (2011). Bimbingan Oleh Guru Pembimbing Kepada Guru Pelatih Universiti teknologi Malaysia (UTM). *Journal of Educational Psychology and Counseling*. 1. 59-76.
- Osakwe, R.N. (2013). Supervisory Functions of Secondary School Principals and Factors Competing With These Functions. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSR-JRME)*. 1(3). 13-19.
- Parks, D.L. (1973). *Local Vocational and Technical Education Supervision. Information Series No. 74*. Columbus: Ohio State University.
- Pawlas, G.E. & Oliva, P.F. (2008). *Supervision for Today's Schools*. Eight Edition. NJ: John Wiley & Son.
- Peter. (2013). European Cooperation in Vocational Education and Training (Europe 2020 Strategy). European Parliamentary Research Service. Dicapai pada 27 Julai 2014 daripada <http://epthinktank.eu/2013/10/02/european-cooperation-in-vocational-education-and-training-europe-2020-strategy/>
- Plessis, P.D. (2013). The principal as instructional leader: Guiding schools to improve instruction. *Education as Change*. 17. 79-92.
- Rashid Alabdulkareem. (2014). Differentiated Supervision Model: A Way of Improving School Leadership in Saudi Arabia. *US-China Education Review B*. 4(3). 186-192.
- Sailesh Sharma, Marohaini Yusoff, Sathiamoorthy Kannan dan Suria Baba. (2011). Concerns of Teachers and Principles on Instructional Supervision in Three Asian Countries. *International Journal of Science and humanity*. 1(3). 214-217.
- Sarimah Ismail, Peggie, C. & Rohana Hamzah. (2000). Komponen Penyeliaan Pengajaran Guru-Guru Teknikal di Malaysia. Seminar MEDC 2012. Dicapai pada 1 Julai 2014 daripada <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/131.pdf>
- Sergiovanni, T. J., & Starratt, R. J. (2007). *Supervision: A redefinition* (8th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Siti Nor Atikah, Rohana dan Amirmudin. (2011). Pendidikan PTV Dalam Membangunkan Tenaga Manusia Berminda Kelas Pertama. *Journal of Edupres*.1. 279-286.

- Tiza Lytha Rimaya Musly Thahar dan Abdullah Mat Rashid. (2013). Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Aliran Teknikal Sekolah Menengah Vokasional di Gombak. Seminar Pasca Siswazah dalam Pendidikan (GREDUC 2013). Universiti Putra Malaysia.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2002). Technical and vocational education and training for the twenty first century: UNESCO and ILO Recommendations. Retrieved 20<sup>th</sup> July, 2012 from <http://www.google.com.ng>
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2007). *Reforming School Supervision for Quality Improvement*. Module. Paris: UNESCO.
- Uwaifo, V. O. (2010). Technical education and its challenges in Nigeria in the 21<sup>st</sup> century. *International NGO Journal*, 5(2), 040 – 044. <http://www.academicjournals.org/ingoj>. Retrieved on 15/2/ 2013.